



فجاية ستياوسها كراجان ترغغانو

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
(PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)
TINGKAT 8, WISMA DARUL IMAN,
20503 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957

Faks : 09-6267484

Emel : hr@terengganu.gov.my

السلاطنة

SURAT KITA : SUK.TR.880/11/Bhg.2-(14)
BERTARIKH : 15 Disember 2016
BERSAMAAN : 15 Rabiul Awal 1438

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
BILANGAN 10 TAHUN 2016**

ELAUN TUGAS MENAIP JAWI

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa berdasarkan perenggan 46 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1980 dan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bilangan 3 Tahun 1981 telah menetapkan kakitangan Perkeranian, Jurutringkas dan Jurutaip yang kerap kali dalam sebulan ditugaskan oleh Ketua Jabatannya untuk menaip skrip jawi disamping tugas hakiki layak dibayar elaun tugas menaip jawi sebanyak RM30.00 sebulan.

2. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran Negeri bersetuju menaikkan kadar elaun tugas menaip jawi kepada RM80.00 sebulan berkuat kuasa mulai **1 Januari 2017** kepada Pembantu Tadbir dan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat yang telah lulus ujian kederasan menaip jawi dan kerap kali dalam sebulan diarah menjalankan tugas menaip jawi.

3. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bilangan 3 Tahun 1981 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

**'TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU'
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI MARZUKI BIN ENDUT)

Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia)
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

"Kesempurnaan Kerja Tanggungjawab Kami"



Visit Beautiful
Terengganu
Malaysia 2017

s.k.

Semua Penolong Kanan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia)
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Semua Penolong Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia)
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Semua Penolong Pegawai Tadbir
(Pengurusan Sumber Manusia)
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Semua Ketua Pembantu Tadbir
(Pengurusan Sumber Manusia)
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Bahagian Perpustakaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Folder Pekeliling.

Fail Timbul.